



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

**PANDUAN :
PERKHIDMATAN PENGHANTAR FRET**

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

05 Mac 2019

Penerbitan

Tarikh: 05 Mac 2019

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2019 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
TERMINOLOGI.....	1
PENGENAAN DAN SKOP CUKAI	1
OPERASI INDUSTRI SECARA UMUM	4
Perkhidmatan Penghantar Fret	4
LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN	6
Orang Kena Cukai	6
Nilai Ambang.....	7
Perkhidmatan Bercukai	8
Perkhidmatan Penghantar Fret Yang Bukan Perkhidmatan Bercukai....	9
Penghantar Fret yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai.....	10
Penentuan Nilai Perkhidmatan Bercukai	13
Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Ditetapkan (<i>Designated Area</i>).....	18
Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Khas (<i>Special Area</i>)	19
Cukai Perkhidmatan yang Genap Masa (<i>Service Tax Due</i>)	20
PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR	21
SOALAN – SOALAN LAZIM	23
PERTANYAAN	28
BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST	28

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiari. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang ditetapkan dikenali sebagai 'perkhidmatan bercukai'.
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan bercukai melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan (nilai ambang) hendaklah berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan akan dikenali sebagai 'orang berdaftar' yang perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.
4. Panduan ini disediakan untuk meningkatkan pemahaman layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penghantar fret.

TERMINOLOGI

5. Perkataan-perkataan berikut mempunyai makna berikut di dalam panduan ini melainkan jika terdapat maksud yang berlainan:
 - (i) "**Kawasan Ditetapkan**" (KD) bermakna Labuan, Langkawi dan Tioman (Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018);
 - (ii) "**Kawasan Khas**" (KK) bermakna mana-mana kawasan Zon Bebas, Gudang Berlesen (Seksyen 65, Akta Kastam 1967) dan Gudang Pengilang Berlesen (Seksyen 65(A), Akta Kastam 1967) dan kawasan pembangunan bersama.

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

6. Bagi tujuan Akta Cukai Perkhidmatan 2018, tarikh penguatkuasaan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan pengurusan adalah pada 1 September 2018.
7. Perkhidmatan penghantar fret adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah Butiran 9, Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dalam kategori perkhidmatan pengurusan.
8. Pindaan Butiran 9, Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No.3) 2018 tidak memberi kesan ke atas tarikh kuat kuasa iaitu pada 1 September 2018. Sebaliknya ia memperjelaskan lagi aktiviti-aktiviti dalam kategori perkhidmatan pengurusan.
9. Di bawah pindaan tersebut, perkhidmatan penghantar fret masih lagi membuat perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan pengurusan namun lebih spesifik lagi di bawah perkhidmatan pengurusan logistik.

ORANG KENA CUKAI JADUAL PERTAMA, RUANG (1), KUMPULAN G, BUTIRAN 9	
Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018	Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (Pindaan) (No.3) 2018
Mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan pengurusan, tidak termasuk perkhidmatan pengurusan yang disediakan oleh – (a) Mana-mana pemaju, badan pengurusan bersama atau perbadanan pengurusan kepada pemilik bangunan yang dipegang di bawah hak milik strata;	Mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan pengurusan, tidak termasuk – (a) Perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan berkaitan tanah atau bangunan semata-mata bagi kegunaan kediaman yang disediakan oleh mana-mana pemaju, badan pengurusan bersama, perbadanan pengurusan atau persatuan kediaman;

ORANG KENA CUKAI JADUAL PERTAMA, RUANG (1), KUMPULAN G, BUTIRAN 9	
Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018	Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (Pindaan) (No.3) 2018
<p>(b) Mana-mana orang yang dilesenkan atau yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menjalankan aktiviti terkawal pengurusan kumpulan wang di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;</p> <p>(c) Mana-mana orang, agensi Kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun bagi maksud perkhidmatan keagamaan, kebajikan, perkabungan, kesihatan atau pengangkutan awam.</p>	<p>(b) Perkhidmatan pengurusan yang diberikan oleh mana-mana orang yang dilesenkan atau didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menjalankan aktiviti terkawal pengurusan kumpulan wang di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;</p> <p>(c) Perkhidmatan pengurusan yang diberikan oleh mana-mana orang, agensi Kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun bagi maksud perkhidmatan keagamaan, kebajikan, perkabungan, perkuburan, tanah perkuburan, pembakaran mayat, pembentungan, pembekalan air, kesihatan atau pengangkutan.</p>

PERKHIDMATAN BERCUKAI JADUAL PERTAMA, RUANG (2), KUMPULAN G, BUTIRAN (i)	
Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018	Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (Pindaan) (No.3) 2018
<p>Pemberian semua jenis perkhidmatan pengurusan termasuk pengurusan projek atau penyelarasan projek, tidak termasuk pemberian perkhidmatan tersebut berkaitan -</p> <p>(i) Barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia; atau</p> <p>(ii) Selain perkara yang berhubungan dengan perkara yang dinyatakan dalam (i) di luar Malaysia.</p>	<p>Pemberian mana-mana perkhidmatan pengurusan yang berikut -</p> <p>(i) Perkhidmatan pengurusan projek, sepenuhnya atau sebahagian daripada projek;</p> <p>(ii) Perkhidmatan pengurusan pelancongan;</p> <p>(iii) Perkhidmatan pengurusan logistik;</p> <p>(iv) Perkhidmatan pengurusan penyenggaraan;</p> <p>(v) Perkhidmatan pengurusan penggudangan;</p> <p>(vi) Perkhidmatan pengurusan kutipan dan hutang;</p> <p>(vii) Perkhidmatan pengurusan tempat letak kereta;</p> <p>(viii) Perkhidmatan pengurusan kemudahan sukan;</p> <p>(ix) Perkhidmatan pengurusan kesetiausahaan;</p> <p>(x) Apa-apa perkhidmatan pengurusan selain yang dinyatakan dalam (i) hingga (ix) yang dibuat bagi pihak orang lain,</p>

PERKHIDMATAN BERCUKAI JADUAL PERTAMA, RUANG (2), KUMPULAN G, BUTIRAN (i)	
Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018	Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (Pindaan) (No.3) 2018
	Tidak termasuk pemberian perkhidmatan itu berkaitan - (xi) Barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia; atau (xii) Perkara di luar Malaysia selain perkara yang dinyatakan dalam (xi).

10. Bagi perkhidmatan penghantar fret, pindaan yang dinyatakan di atas tidak mendatangkan apa-apa kesan dari sudut tarikh kuat kuasa iaitu 1 September 2018. Oleh yang demikian, perkhidmatan penghantar fret yang telah berdaftar perlu mengenakan cukai perkhidmatan bermula 1 September 2018.

OPERASI INDUSTRI SECARA UMUM

Perkhidmatan Penghantar Fret

11. Pemberi perkhidmatan penghantar fret adalah bertanggungjawab untuk menguruskan pengangkutan barang antara satu destinasi ke satu destinasi yang lain. Pemberi perkhidmatan penghantar fret ini mengatur keseluruhan proses untuk pengirimnya, dari penyimpanan ke pengiriman barang dagangan mereka. Mereka bertindak sebagai perantara antara pengirim (pelanggan) dengan syarikat pengangkutan, dengan menguruskan pelbagai perkara seperti merundingkan harga dan memutuskan laluan yang paling pantas, selamat pada kadar yang baik.

12. Menggunakan perkhidmatan penghantar fret terutamanya untuk tujuan pengimportan dan pengeksportan barangan akan memudahkan keseluruhan proses.

Syarikat penghantar fret mempunyai pengetahuan yang tinggi berkenaan dengan rangkaian bekalan. Mereka mempunyai keupayaan membantu pada semua peringkat bermula dari peringkat pembungkusan dan penggudangan, prosedur kastam dan pelbagai lagi.

13. Berikut adalah contoh sebahagian daripada senarai aktiviti perkhidmatan yang disediakan oleh pemberi perkhidmatan penghantar fret:-

- (i) Pelepasan Kastam;
- (ii) Pengendalian;
- (iii) Dokumentasi pengimportan dan pengeksportan;
- (iv) Insuran;
- (v) Pembungkusan;
- (vi) Penggudangan;
- (vii) Pengurusan stok;
- (viii) Pengangkutan;
- (ix) Lain-lain.

14. Pemberi perkhidmatan penghantar fret menggunakan hubungannya dengan syarikat pengangkut, sama ada syarikat pengangkut udara, syarikat trak, syarikat pengangkut keretapi dan syarikat kapal, bagi merundingkan harga terbaik untuk menggerakkan barang pengirim.

15. Kebanyakan syarikat penghantar fret tidak mempunyai aset utama miliknya sendiri seperti pengangkutan dan gudang mahupun tenaga buruh untuk tujuan kawalan keselamatan. Maka bagi memberikan perkhidmatan tersebut, syarikat ini akan melantik syarikat lain untuk memberikan perkhidmatan tersebut.

16. Namun demikian, terdapat juga syarikat penghantar fret yang mempunyai aset utamanya sendiri seperti pengangkutan dan gudang.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN

Orang Kena Cukai

17. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, pemberi perkhidmatan penghantar fret adalah orang kena cukai di bawah Butiran 9, Ruang (1), Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 iaitu orang yang memberikan perkhidmatan pengurusan. Perkhidmatan penghantar fret dianggap sebagai memberikan perkhidmatan pengurusan logistik.

18. Walau bagaimanapun terdapat kategori orang yang tidak dianggap sebagai orang kena cukai walaupun ia memberikan perkhidmatan pengurusan. Kategori orang tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Pemberi perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan berkaitan tanah atau bangunan semata-mata bagi kegunaan kediaman yang disediakan oleh mana-mana pemaju, badan pengurusan bersama, perbadanan pengurusan atau persatuan kediaman;
- (ii) Pemberi perkhidmatan pengurusan yang diberikan oleh mana-mana orang yang dilesenkan atau didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menjalankan kumpulan wang di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
- (iii) Pemberi perkhidmatan pengurusan yang diberikan oleh mana-mana orang, agensi Kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun bagi maksud perkhidmatan keagamaan, kebajikan, perkabungan, perkuburan, tanah perkuburan, pembakaran mayat, pembentungan, pembekalan air, kesihatan atau pengangkutan;

19. Bagi butiran 18.1 dan 18.2, ia adalah tidak berkaitan dengan perkhidmatan penghantar fret. Hanya di bawah butiran 18.3 sahaja terdapat pengecualian yang berkaitan dengan perkhidmatan penghantar fret iaitu pemberian perkhidmatan pengurusan bagi maksud pengangkutan (berkuat kuasa 1 Januari 2019).

Nilai Ambang

20. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, nilai ambang (*threshold*) bagi tujuan pendaftaran wajib bagi perkhidmatan penghantar fret adalah RM500,000.

21. Namun demikian, bagi maksud Kumpulan G: Profesional, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, mana-mana orang kena cukai dalam Ruang (1) Kumpulan G yang mempunyai jumlah nilai perkhidmatan bercukai, sama ada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM500,000 bagi mana-mana satu perkhidmatan bercukai atau lebih yang dinyatakan dalam Ruang (2) Kumpulan G, adalah wajib untuk berdaftar.

Contoh 1

ABC Logistic Sdn Bhd (ABC) adalah sebuah syarikat penghantar fret. Pendapatan syarikat untuk tempoh 12 bulan ke belakang daripada perkhidmatan penghantar fret adalah sebanyak RM650,000. Syarikat ABC adalah wajib berdaftar di bawah cukai perkhidmatan kerana nilai perkhidmatan bercukai yang diberikan untuk tempoh 12 bulan ke belakang adalah melebihi RM500,000 iaitu sebanyak RM650,000.

Contoh 2

DEF Logistic Sdn Bhd (DEF) adalah sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan penghantar fret dan juga perkhidmatan perundingan. Pendapatan syarikat untuk tempoh 12 bulan ke belakang daripada bagi perkhidmatan penghantar fret dan perundingan masing-masing adalah sebanyak RM350,000 dan RM250,000. Syarikat ABC adalah wajib berdaftar di bawah cukai perkhidmatan kerana nilai perkhidmatan bercukai yang diberikan untuk tempoh 12 bulan ke belakang adalah melebihi RM500,000 iaitu sebanyak RM600,000.

Perkhidmatan Bercukai

22. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, perkhidmatan penghantar fret adalah di bawah di bawah Butiran 9, Kumpulan G dan kesemua komponen perkhidmatan yang diberikan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan termasuklah komponen:

- (i) Pelepasan Kastam;
- (ii) Pengendalian;
- (iii) Dokumentasi pengimportan dan pengeksportan;
- (iv) Insuran;
- (v) Pembungkusan;
- (vi) Penggudangan;
- (vii) Pengurusan stok;
- (viii) Pengangkutan (hanya sehingga 31 Disember 2018);
- (ix) Lain-lain.

Contoh 3

Pada September 2018, Universal Logistic Sdn Bhd (ULSB) memberikan perkhidmatan penghantar fret kepada pelanggannya. ULSB mengeluarkan invois dan mengenakan caj pelepasan Kastam, dokumentasi, pengendalian, dan pengangkutan. Kesemua caj yang dikenakan ini adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

23. Tidak kira sama ada syarikat penghantar fret mempunyai asetnya sendiri atau melantik syarikat lain bagi memberikan perkhidmatan tersebut, kesemua caj yang dikenakan kepada pelanggan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 4

Pada Oktober 2018, Syarikat Fast Freight Sdn Bhd (SFF) memberikan perkhidmatan penghantar fret yang terdiri daripada perkhidmatan pengangkutan, penggudangan, dokumentasi dan pelepasan Kastam. SFF bukan merupakan ejen Kastam yang sah dan tidak mempunyai pengangkutan dan gudang sendiri. Oleh yang demikian SFF menggunakan perkhidmatan dari syarikat yang lain. SFF kemudiannya akan mengenakan caj kos termasuk mark-up kepada pelanggannya. Kesemuanya caj yang dikenakan SFF kepada pelanggannya adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan pengurusan logistik.

Contoh 5

Pada Februari 2019, Syarikat Medium Freight Sdn Bhd (SMF) memberikan perkhidmatan penghantar fret yang terdiri daripada perkhidmatan pengangkutan, penggudangan, dokumentasi dan pelepasan Kastam kepada pelanggannya Global Sdn Bhd (GSB). SMF menggunakan pengangkutan dan gudang miliknya sendiri dalam memberikan perkhidmatan penghantar fret. SMF juga merupakan seorang ejen Kastam yang sah. Kesemua perkhidmatan yang SMF caj kepada GSB adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali caj pengangkutan.

Perkhidmatan Penghantar Fret Yang Bukan Perkhidmatan Bercukai

24. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, terdapat berapa perkhidmatan penghantar fret yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
25. Selaras dengan pengecualian di bawah Ruang (1), Butiran 9, Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (Pindaan) (No.3) 2018, bermula dari 1 Januari 2019, perkhidmatan penghantar fret yang berkaitan dengan pengangkutan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 6

Pada Februari 2019, Universal Logistic Sdn Bhd (ULSB) memberikan perkhidmatan penghantar fret kepada pelanggannya. ULSB mengeluarkan invois dan mengenakan caj pelepasan Kastam, dokumentasi, pengendalian, dan pengangkutan. Kesemua caj yang dikenakan ini adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali caj pengangkutan.

Penghantar Fret yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai

26. Bermula 1 Januari 2019, berdasarkan Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018, orang yang memberikan perkhidmatan pengurusan boleh dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pengurusan yang diterima.

27. Oleh kerana perkhidmatan penghantar fret adalah di bawah perkhidmatan pengurusan, maka syarikat penghantar fret boleh dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan.

28. Namun, pengecualian ini hanya diberikan ke atas perolehan perkhidmatan yang sama sahaja, iaitu perkhidmatan penghantar fret.

29. Syarat-syarat berikut perlu dipenuhi bagi layak pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan:

- (i) Syarikat penghantar fret yang layak dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan perlulah orang berdaftar cukai perkhidmatan;
- (ii) Perkhidmatan yang diperolehi oleh orang yang layak dikecualikan adalah perkhidmatan penghantar fret; dan
- (iii) Syarikat penghantar fret yang layak mendapat pengecualian adalah memberikan perkhidmatan yang sama seperti mana perkhidmatan yang ingin dikecualikan, iaitu perkhidmatan penghantar fret.

Contoh 7

Hanif Exporter Sdn Bhd (HESB) melantik Syarikat Yanie Logistic Sdn Bhd (YLSB) untuk menguruskan pengeksporan barang-barang keluaran syarikatnya dalam kuantiti yang banyak. Dalam menguruskan proses tersebut, YLSB terpaksa melantik Syarikat Star Logistic Sdn Bhd (SLSB) untuk menguruskan sebahagian daripada proses itu.

YLSB selaku orang berdaftar cukai perkhidmatan akan mengenakan cukai perkhidmatan kepada HESB ke atas perkhidmatan penghantar fret yang diberikan kerana ia adalah perkhidmatan pengurusan.

Manakala SLSB yang juga orang berdaftar cukai perkhidmatan yang memberikan perkhidmatan penghantar fret kepada YLSB tidak akan mengenakan cukai perkhidmatan kepada YLSB. Ini kerana YLSB adalah orang yang dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan.



1. *HESB melantik YLSB;*
2. *YLSB melantik SLSB;*
3. *SLSB memberikan perkhidmatan penghantar fret kepada YLSB;*
4. *YLSB memberikan perkhidmatan penghantar fret kepada HESB;*
5. *Perkhidmatan yang diberikan oleh YLSB kepada HESB sebenarnya adalah perkhidmatan yang sama diberikan oleh SLSB kepada YLSB;*
6. *YLSB dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan kepada SLSB ke atas perkhidmatan yang sama yang diberikan oleh YLSB kepada HESB.*
7. *Perkhidmatan yang diberikan oleh YLSB kepada HESB adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan 6%.*

30. Sekiranya syarat-syarat yang ditetapkan tidak dipenuhi, maka tiada pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan layak diberikan.

Contoh 8


Hanif Exporter Sdn Bhd (HESB) melantik Syarikat Yanie Logistic Sdn Bhd (YLSB) untuk menguruskan pengeksportan barang-barang keluaran syarikatnya dalam kuantiti yang banyak. Dalam menguruskan proses tersebut, YLSB terpaksa melantik Syarikat Star Logistic Sdn Bhd (SLSB) untuk menguruskan sebahagian daripada proses itu.

YLSB juga melantik Syarikat Haikal Accountancy Sdn Bhd (HASB) untuk menguruskan akaun khusus bagi tujuan urusan pengeksportan syarikat HESB.

YLSB selaku orang berdaftar cukai perkhidmatan akan mengenakan cukai perkhidmatan kepada HESB ke atas perkhidmatan pengurusan (perkhidmatan penghantar fret dan akaun) yang diberikan.

Manakala SLSB yang juga orang berdaftar cukai perkhidmatan yang memberikan perkhidmatan penghantar fret kepada YLSB tidak akan mengenakan cukai perkhidmatan kepada YLSB. Ini kerana YLSB adalah orang yang dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan.

Bagi Syarikat HASB yang berdaftar di bawah cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan akaun, HASB akan mengenakan cukai perkhidmatan kepada YLSB. YLSB tidak layak mendapat pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan akaun dan perkhidmatan pengurusan adalah dua perkhidmatan yang berbeza.



1. *HESB melantik YLSB;*
2. *YLSB melantik SLSB dan HASB;*
3. *SLSB memberikan perkhidmatan penghantar fret kepada YLSB;*
4. *HASB memberikan perkhidmatan perakaunan kepada YLSB;*
5. *YLSB memberikan perkhidmatan pengurusan kepada HESB;*
6. *YLSB dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan kepada SLSB ke atas perkhidmatan yang sama yang diberikan oleh YLSB kepada HESB iaitu perkhidmatan pengurusan;*
7. *Perkhidmatan yang diberikan oleh HASB kepada YLSB adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan 6%;*
8. *Perkhidmatan yang diberikan oleh YLSB kepada HESB adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan 6%.*

Penentuan Nilai Perkhidmatan Bercukai

31. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, nilai perkhidmatan bercukai yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang diberikan.

32. Nilai sebenar adalah merujuk kepada nilai yang dinyatakan di dalam invoice yang dikemukakan kepada pelanggan. Oleh yang demikian, cukai perkhidmatan dikenakan ke atas nilai penuh yang dinyatakan di dalam invoice tersebut.

Contoh 9

Green Logistic Sdn Bhd (GLSB), sebuah syarikat perkhidmatan penghantar fret memberikan perkhidmatan berikut kepada pelanggannya pada November 2018.

Perkhidmatan	Nilai (RM)
1) <i>Pengendalian</i>	100
2) <i>Dokumentasi</i>	50
3) <i>Pengangkutan</i>	2,000
4) <i>Penggudangan</i>	500
5) <i>Pelepasan Kastam</i>	100
Jumlah	2,750

GLSB akan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas nilai RM2,750 kepada pelanggannya.

33. Dalam memberikan perkhidmatan penghantar fret, terdapat situasi di mana syarikat hanya menjadi pengaturcara (*arranger*) sahaja. Syarikat tidak mempunyai pengangkutan sendiri, tidak mempunyai lesen sebagai ejen Kastam, tidak mempunyai gudang sendiri dan sebagainya.

34. Di atas faktor itu, syarikat menggunakan sumber dari pihak ketiga dalam memberikan perkhidmatan tersebut. Syarikat akan melantik pihak ketiga untuk memberikan perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan pelepasan kastam, perkhidmatan penggudangan dan sebagainya.

35. Dalam keadaan ini, cukai perkhidmatan masih lagi dikenakan ke atas nilai penuh dinyatakan di dalam invoice yang dikemukakan kepada pelanggan tidak kira sama ada terdapat nilai *mark-up* atau tidak.

Contoh 10

Total Export Sdn Bhd (TESB) melantik MyWorld Freight Sdn Bhd (MyWorld) untuk menguruskan pengeksportan produknya. MyWorld perlu menyediakan perkhidmatan pengangkutan, pengendalian, dokumentasi, penggudangan, pelepasan kapal dan juga keselamatan. MyWorld tidak mempunyai pengangkutan dan gudangnya sendiri maka MyWorld menggunakan perkhidmatan pihak ketiga.

Pihak ketiga akan mengenakan caj berikut ke atas perkhidmatan pengangkutan dan juga penggudangan.

Perkhidmatan	Nilai (RM)
1) Pengangkutan	2,000
2) Penggudangan	1,000
3) Caj Pelabuhan	100
Jumlah	3,100

MyWorld seterusnya mengenakan caj berikut kepada pelanggannya ke atas semua perkhidmatan yang diberikan termasuk perkhidmatan pengangkutan dan penggudangan yang diperolehi daripada pihak ketiga.

Perkhidmatan	Nilai (RM)
1) Pengangkutan	3,000
2) Penggudangan	2,000
3) Dokumentasi	100
4) Pengendalian	300
5) Keselamatan	200
6) Caj Pelabuhan	100
Jumlah	5,700

MyWorld selaku pemberi perkhidmatan bercukai akan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas nilai penuh iaitu RM5,700. Ini kerana nilai RM5,600 dianggap sebagai nilai sebenar perkhidmatan yang diberikan oleh MyWorld kepada TESB.

36. Berdasarkan contoh di atas, cukai perkhidmatan perlu dikenakan ke atas nilai penuh seperti yang dinyatakan di dalam invois yang dikeluarkan. Walau bagaimanapun, terdapat keadaan di mana cukai perkhidmatan boleh dikenakan hanya ke atas nilai *mark-up* sahaja.

37. Cukai perkhidmatan boleh dikenakan hanya ke atas nilai *mark-up* sahaja di dalam keadaan pihak pembekal dapat membuktikan kepada pelanggan nilai sebenar kos dan *mark-up*.

Contoh 11

Mengambil contoh yang sama:

Total Export Sdn Bhd (TESB) melantik MyWorld Freight Sdn Bhd (MyWorld) untuk menguruskan pengeksportan produknya. MyWorld perlu menyediakan perkhidmatan pengangkutan, pengendalian, dokumentasi, penggudangan, pelepasan kapal dan juga keselamatan. MyWorld tidak mempunyai pengangkutan dan gudangnya sendiri maka MyWorld menggunakan perkhidmatan pihak ketiga.

Pihak ketiga akan mengenakan caj berikut ke atas perkhidmatan pengangkutan dan juga penggudangan.

Perkhidmatan	Nilai (RM)
1) Pengangkutan	2,000
2) Penggudangan	1,000
3) Caj Pelabuhan	100
Jumlah	3,100

MyWorld seterusnya mengenakan caj berikut kepada pelanggannya ke atas semua perkhidmatan yang diberikan termasuk perkhidmatan pengangkutan dan penggudangan yang diperolehi daripada pihak ketiga. MyWorld juga melampirkan invois dari pihak ketiga yang jelas menyatakan nilai kos sebenar pengangkutan, penggudangan dan caj pelabuhan.

Perkhidmatan	Nilai (RM)
1) Pengangkutan	3,000
2) Penggudangan	2,000
3) Dokumentasi	100
4) Pengendalian	300
5) Keselamatan	200
6) Caj Pelabuhan	100
Jumlah Penuh	5,700
Nilai Kos	(3,100)
Jumlah akhir	2,600

MyWorld selaku pemberi perkhidmatan bercukai akan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas nilai RM2,600. Ini kerana dengan melampirkan kepada pelanggan invois dari pihak ketiga, maka nilai RM2,600 dianggap sebagai nilai sebenar perkhidmatan yang diberikan oleh MyWorld kepada TESB.

38. Invois daripada pihak ketiga perlu dikemukakan kepada pelanggan bagi melayakkan cukai perkhidmatan dikenakan ke atas nilai *mark-up* sahaja. Invois dari pihak ketiga juga perlu disimpan untuk tujuan audit Kastam.

39. Kegagalan mengemukakan invois daripada pihak ketiga kepada pelanggan akan menyebabkan cukai perkhidmatan dikenakan ke atas nilai penuh yang dinyatakan dalam invois.

Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Ditetapkan (*Designated Area*)

40. Berdasarkan Seksyen 48, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan ke atas perkhidmatan pengurusan yang diberikan di dalam atau di antara kawasan ditetapkan atau di antara kawasan ditetapkan (KD) dengan kawasan khas (KK).

Contoh 12

Mutiara Logistic Sdn Bhd (MLSB) adalah sebuah syarikat perkhidmatan penghantar fret yang ditubuhkan di Langkawi, Kedah. MLSB dilantik untuk memberi perkhidmatan penghantar fret di dalam Langkawi oleh sebuah syarikat. Perkhidmatan perundangan yang diberikan oleh MLSB adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 13

Merujuk kepada Contoh 12, MLSB juga ada memberikan perkhidmatan penghantar fret kepada Syarikat Labuan Sdn Bhd di Labuan. Perkhidmatan penghantar fret yang diberikan oleh MLSB adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

41. Berdasarkan Seksyen 49, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, walaupun syarikat ditubuhkan di kawasan yang ditetapkan, perkhidmatan penghantar fret yang diberikan masih akan tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya ia diberikan kepada orang di dalam Malaysia (selain KD dan KK).

Contoh 14

Merujuk kepada Contoh 12, salah satu pelanggan MLSB adalah sebuah syarikat di Kuala Lumpur. Perkhidmatan penghantar fret yang diberikan oleh MLSB adalah diberikan di Kuala Lumpur dan ia tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

42. Berdasarkan Seksyen 50, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 pula, walaupun perkhidmatan penghantar fret diberikan di dalam kawasan ditetapkan, ia masih tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya ia diberikan kepada oleh syarikat yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia (selain KD dan KK).

Contoh 15

Peninsular Logistic Sdn Bhd (PLSB) adalah sebuah syarikat penghantar fret yang ditubuhkan di Kuala Lumpur dan tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia. PLSB dilantik untuk memberi perkhidmatan penghantar fret oleh sebuah syarikat yang berada di Langkawi. Perkhidmatan penghantar fret yang diberikan oleh PLSB adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Khas (*Special Area*)

43. Berdasarkan Seksyen 53, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan ke atas perkhidmatan penghantar fret yang diberikan di dalam atau di antara kawasan khas (KK) atau di antara kawasan khas dengan kawasan ditetapkan (KD).

44. Berdasarkan Seksyen 54, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, walaupun syarikat ditubuhkan di kawasan khas, perkhidmatan penghantar fret yang diberikan masih akan tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya ia diberikan kepada oleh orang di dalam Malaysia (selain KD dan KK).

45. Berdasarkan Seksyen 55, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 pula, walaupun perkhidmatan penghantar fret diberikan di dalam kawasan khas, ia masih tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya ia diberikan kepada oleh syarikat yang tempat perniagaan utamanya terletak di Malaysia (selain KD dan KK).

Cukai Perkhidmatan yang Genap Masa (*Service Tax Due*)

46. Berdasarkan Seksyen 7, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, cukai perkhidmatan perlu dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar.

47. Cukai perkhidmatan yang dikenakan kepada pelanggan perlu diikrarkan dan dibayar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia hanya apabila bayaran telah diterima daripada pelanggan.

Contoh 16

Lia Freight Sdn Bhd (LFSB) merupakan sebuah syarikat perkhidmatan penghantar fret. LFSB selaku orang berdaftar cukai perkhidmatan memberikan perkhidmatan penghantar fret kepada Syarikat Yati Sdn Bhd (SYSB) pada Oktober 2018 di mana cukai perkhidmatan dikenakan. LFSB telah mengeluarkan invoice kepada SYSB pada 1 Oktober 2018 dan SYSB membuat 50% bayaran pada Disember 2018. Bagi perkhidmatan yang diberikan kepada SYSB, LFSB akan membuat pengikraran dan pembayaran cukai perkhidmatan pada bulan Januari 2018 (bagi tempoh bercukai November – Disember) ke atas 50% bayaran diterima pada Disember 2018 sahaja.

48. Walaubagaimanapun, sekiranya tiada sebarang bayaran diterima 12 bulan dari tarikh invoice, maka adalah menjadi tanggungjawab orang berdaftar untuk mengakaunkan dan membuat bayaran kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia ke atas nilai bayaran yang belum diterima.

Contoh 17

Merujuk kepada contoh 16 di atas, LFSB masih tidak menerima baki bayaran sehingga 1 Oktober 2019 ke atas invois yang dikeluarkan pada 1 Oktober 2018. LFSB adalah bertanggung untuk membuat pengikraran dan bayaran cukai perkhidmatan pada penyata November 2019 kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia ke atas baki bayaran 50% yang belum dibayar oleh pelanggan kepada LFSB.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

49. Perkhidmatan penghantar fret merupakan satu perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan pengurusan yang mula berkuatkuasa pada 1 September 2018.

50. Bagi tujuan pendaftaran di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018, mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan penghantar fret hendaklah membuat pengiraan ke atas jualan perkhidmatan bercukai yang diberikan pada bulan semasa dan sebelas bulan terdahulu / ke depan. Sekiranya jumlah nilai perkhidmatan bercukai tersebut melebihi RM500,000, permohonan untuk tujuan pendaftaran perkhidmatan bercukai tersebut hendaklah dipohon tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya.

51. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:

- (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- (ii) Mengeluarkan invois dan resit kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
- (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik/manual dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh;
- (iv) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai

perkhidmatan.

52. Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan.**

SOALAN – SOALAN LAZIM

1. **S : Bilakah tarikh kuat kuasa cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan penghantar fret?**

J : Tarikh kuat kuasa cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan perundingan adalah 1 September 2018.

2. **S : Berapakah nilai ambang bagi perkhidmatan penghantar fret?**

J : Nilai ambang bagi perkhidmatan penghantar fret adalah RM500,000.

3. **S : Bagi tujuan kiraan nilai ambang, adakah perlu dikira secara keseluruhan atau berasingan sekiranya mana-mana orang itu memberikan lebih dari satu perkhidmatan bercukai di dalam Kumpulan G?**

J : Bagi tujuan kiraan nilai ambang, mana-mana orang kena cukai dalam Ruang (1) Kumpulan G yang mempunyai jumlah nilai perkhidmatan bercukai, sama ada digabungkan atau tunggal, lebih daripada RM500,000 bagi mana-mana satu perkhidmatan bercukai atau lebih yang dinyatakan dalam Ruang (2) Kumpulan G, dia adalah wajib untuk berdaftar.

4. **S : Syarikat A menyediakan perkhidmatan kejuruteraan, arkitek dan penghantar fret. Nilai pendapatan terkumpul bagi ketiga-tiga perkhidmatan ini adalah RM600,000 untuk tempoh 12 bulan kebelakang. Adakah Syarikat A wajib berdaftar di bawah cukai perkhidmatan?**

J : Ya. Syarikat A adalah wajib berdaftar di bawah cukai perkhidmatan. Ini kerana perkhidmatan kejuruteraan, arkitek dan penghantar fret adalah perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan G di mana untuk tujuan nilai ambang, kiraan perlu digabungkan.

5. **S** : **Syarikat Sarah Freight Sdn Bhd memberikan perkhidmatan penghantar fret kepada pelanggannya Bulk Export Sdn Bhd. Perkhidmatan yang diberikan adalah terdiri daripada perkhidmatan *haulage*, dokumentasi, pengendalian, penggudangan dan keselamatan. Perkhidmatan yang manakah yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Kesemua perkhidmatan yang diberikan iaitu haulage (dikecualikan bermula 1 Januari 2019), dokumentasi, pengendalian, penggudangan dan keselamatan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

6. **S** : **Di antara perkhidmatan yang diberikan oleh penghantar fret adalah perkhidmatan pengangkutan. Adakah perkhidmatan pengangkutan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya. Perkhidmatan pengangkutan yang diberikan oleh pemberi perkhidmatan penghantar fret adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya ia sebahagian daripada perkhidmatan pengurusan. Namun demikian, bermula 1 Januari 2019, caj yang dikenakan ke atas perkhidmatan pengangkutan adalah dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.

7. **S** : **Syarikat KidStar Sdn Bhd (KSB) melantik FH Freight Sdn Bhd (FHF) untuk menghantar barang-barangnya dari Seremban ke Kuala Lumpur. FHF hanya memberikan perkhidmatan pengangkutan semata-mata. Adakah perkhidmatan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Tidak. Perkhidmatan pengangkutan semata-mata adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia bukan suatu perkhidmatan bercukai.

8. S : Sebagai pemberi perkhidmatan penghantar fret, syarikat akan memberikan pelbagai perkhidmatan kepada pelanggan. Terdapat di antara perkhidmatan yang diberikan itu adalah daripada pihak ketiga. Adakah cukai perkhidmatan dikenakan ke atas nilai penuh yang dinyatakan di dalam invoice?

J : Ya. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas nilai penuh yang dinyatakan di dalam invoice.

9. S : Bolehkah cukai perkhidmatan hanya dikenakan ke atas nilai *mark-up* sahaja?

J : Boleh hanya sekiranya kos sebenar didedahkan kepada pelanggan. Pemberi perkhidmatan perlu mengemukakan kepada pelanggan invoice yang diterima daripada pihak ketiga supaya pelanggan mengetahui kos sebenar.

10. S : Apakah perbezaan di antara sewaan ruang dengan pengurusan penggudangan?

J : Sewaan ruang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan manakala pengurusan penggudangan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

11. S : Mengapakah sewa ruang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Sewa ruang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana sewa bukan suatu perkhidmatan pengurusan. Sewa ruang tidak dianggap sebagai perkhidmatan pengurusan kerana tiada sebarang perkhidmatan pengurusan diberikan seperti memuat, memunggah, pilih dan pek, keselamatan dan sebagainya. Sewa ruang adalah di mana bayaran sewa dibuat tanpa mengira ruang digunakan atau tidak.

12. S : Mengapakah pengurusan penggudangan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Perkhidmatan pengurusan penggudangan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia adalah perkhidmatan bercukai di bawah perkhidmatan pengurusan. Kebiasaannya pengurusan penggudangan melibatkan beberapa perkhidmatan diberikan seperti memuat dan memunggah, pilih dan pek, keselamatan, insuran, pengangkutan dan sebagainya. Bayaran dibuat hanya apabila perkhidmatan digunakan sahaja.

13. S : EII Logistik Sdn Bhd (ELSB) memberikan perkhidmatan penghantar fret kepada Syarikat luar negara. Adakah perkhidmatan yang diberikan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Ya. Perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan walaupun pelanggan adalah orang luar negara selagi mana ia memenuhi skop dan pengenaan cukai perkhidmatan iaitu ELSB memberikan perkhidmatan bercukai, di dalam Malaysia dan ELSB adalah orang berdaftar cukai perkhidmatan.

14. S : Syarikat Alang Import Sdn Bhd (AISB) melantik Pae Logistic Sdn Bhd (PLSB) untuk menguruskan pergerakan kontennya dari China ke Jepun. Adakah perkhidmatan yang diberikan oleh PLSB tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : PLSB adalah memberikan perkhidmatan bercukai iaitu perkhidmatan pengurusan. Namun demikian, tiada cukai perkhidmatan dikenakan kerana perkhidmatan yang diberikan adalah berkaitan dengan perkara di luar Malaysia (pergerakan barang dari China ke Jepun).

15. S : Adakah orang berdaftar perlu mengeluarkan invois?

J : Ya. Orang berdaftar perlu mengeluarkan invois ke atas semua perkhidmatan bercukai yang diberikan.

16. S : Bagaimanakah cara menghantar penyata dan membuat bayaran cukai perkhidmatan?

J : Orang berdaftar perlu mengemukakan penyata cukai perkhidmatan melalui borang SST-02 secara elektronik atau manual. Bayaran cukai perkhidmatan perlu dibayar secara elektronik atau cek yang perlu dipos ke Pusat Pemprosesan Kastam Kelana Jaya.

PERTANYAAN

Sebarang persoalan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 5 & 7, Blok A, Menara Tulus,
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,
62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
 - Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
 - Fax : 03-7806 7599
 - Email: ccc@customs.gov.my